



**BENGKEL
PENGURUSAN TATATERTIB MODUL I
SIRI 1 / 2011**



13 JUN 2011 – 17 JUN 2011
KAMPUS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN INSAN, KENINGAU

Anjuran



Pusat Penyelidikan & Pembangunan
INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI [INSAN]
JABATAN KETUA MENTERI

PENGENALAN

DEFINISI TATATERTIB

Kamus Dewan mentakrifkan ***tatatertib*** sebagai ***disiplin ; peraturan-peraturan yang mesti dipatuhi.***

Dari segi istilah, ***tindakan tatatertib*** ialah ***tatacara mengawal disiplin; tindakan atau hukuman yang dikenakan terhadap seseorang yang melanggar peraturan tatatertib sesuatu organisasi.***

RASIONAL PENGURUSAN TINDAKAN TATATERTIB

Pengurusan Tindakan Tatatertib merupakan satu tatacara pengendalian mengawal disiplin anggota perkhidmatan awam yang akan melibatkan elemen-elemen pelanggaran peraturan, hak untuk didengar dan akibat daripada pelanggaran peraturan tersebut. Selaras dengan ***Perkara 37 (1), Perlembagaan Negeri Sabah***, salah satu fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (SPANS) sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib ialah menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota perkhidmatan awam.

Selain itu, ***Peraturan 207 (1), Bahagian V, Kelakuan dan Tatatertib, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008*** pula memperuntukkan bahawa adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera. Maka, ini jelas menunjukkan bahawa tugas mengawal tatatertib anggota perkhidmatan awam adalah tanggungjawab bersama bagi kedua-dua pihak iaitu Pihak Berkuasa Tatatertib dan pihak Kementerian / Jabatan.

Oleh itu, dengan adanya Bengkel Pengurusan Tatatertib ini, ia akan menjadi satu wadah baru dalam membentuk satu kerjasama yang padu dan segala tindakan dapat diselaraskan agar pengurusan tatatertib ke atas anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah menjadi lebih cekap dan efisien di masa akan datang. Secara tidak langsung, ia mencerminkan integriti, akauntabiliti dan kredibiliti anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah secara khususnya.

BENGGEL PENGURUSAN TATATERTIB MODUL 1 SIRI 1/2011

TARIKH KURSUS : **13 JUN 2011 – 17 JUN 2011**

JANGKA MASA : **4 HARI**

TEMPAT KURSUS DIADAKAN : **KAMPUS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN
INSAN, KENINGAU**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : **18 MEI 2011**

OBJEKTIF BENGGEL

- ◆ Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta tentang jenis-jenis pelanggaran tatakelakuan yang boleh diambil tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.
- ◆ Mempertingkatkan kemahiran dalam mengatur urus hal ehwal tatatertib di peringkat Jabatan/Kementerian dengan cara yang betul dan adil serta selaras dengan keperluan Pihak Berkuasa Tatatertib.
- ◆ Mempelajari bagaimana mengendalikan pegawai/kakitangan yang bermasalah sebelum melaksanakan tindakan tatatertib.

KANDUNGAN KURSUS

- Pengenalan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan Pihak Berkuasa Tatatertib;
- Pengenalan kepada Tindakan Tatatertib;
- Tatakelakuan dan larangan-larangan dalam Perkhidmatan Awam;
- Peraturan-peraturan lain berkaitan dengan tindakan tatatertib;
- Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah yang berkaitan dengan tindakan tatatertib;
- Pengenalan kepada pembentukan jawatankuasa/Lembaga Tatatertib di peringkat Kementerian/Jabatan;
- Tatacara pengendalian tindakan tatatertib di peringkat Kementerian/ Jabatan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

KAEDAH LATIHAN

Ceramah, Perbincangan, Latih Amal dan Perkongsian Pengalaman.

KUMPULAN SASARAN

Pegawai Sumber Manusia dalam Gred 22 hingga 44 yang mengendalikan tata tertib, atau individu terlibat dalam Pengurusan Tindakan Tata tertib.

PERTANYAAN

Untuk Keterangan lanjut sila hubungi :

INSTITUT LATIHAN SEKTOR AWAM NEGERI [INSAN]

Pengarah Program

1. En. Ralih @Roslee B. Karto

☎ : 088-315185

✉ : Ralih.Karto@sabah.gov.my

Penyelaras Kursus

2. En. Johari Tahir

☎ : 088-315178

✉ : Jahari.Tahir@sabah.gov.my

Setiausaha Kursus

3. Puan Liew Fui Moi

☎ : 088-315186

✉ : FuiMoi.Liew@sabah.gov.my

FASILITATOR

1. *Pegawai Institut Latihan Sektor Awam Negeri;*
2. *Pegawai Pejabat Peguam Besar Negeri;*
3. *Pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri;*
4. *Pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri;*
5. *Pegawai Kementerian Kewangan Negeri;*
6. *Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.*

URUSETIA

Institut Latihan Sektor Awam Negeri [INSAN]